

13 OCT 2003

Apec-Thaksin/I

APEC AKAN TANGANI CABARAN TERRORISME DAN GLOBALISASI

Oleh: Arul Rajoo

BANGKOK, 13 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra berkata mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) 2003 yang bermula di sini, esok, antara lain akan menangani cabaran terrorisme antarabangsa yang boleh membawa kesan serius kepada globalisasi dan perdagangan berbilang hala.

Beliau berkata, Apec telah sampai ke persimpangan penting setelah menyaksikan keganasan oleh kumpulan pengganas antarabangsa khususnya Jemaah Islamiah (JI).

Selain daripada itu, Thaksin berkata Apec akan menumpukan pada usaha mengawal wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) dan penyakit-penyakit lain di rantau.

"Isu-isu ini penting memandangkan agenda teras Apec ialah kerjasama perdagangan dan pelaburan, ekonomi dan teknologi," kata pemimpin Thai itu dalam kata-kata aluannya kepada perwakilan di Apec 2003, dalam Buku Panduan Media Apec.

Mesyuarat itu yang diadakan di bawah kawalan ketat kerana dikhuatiri boleh berlaku ancaman pengganas akan dihadiri oleh para pemimpin dunia termasuk Presiden Amerika Syarikat George Bush dan rakannya dari Rusia, Vladimir Putin.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka tiba di sini pada Ahad selepas sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya, yang juga forum antarabangsa terakhir bagi beliau sebelum bersara pada hujung bulan ini.

Sidang kemuncak Apec yang mewakili 21 negara anggota dari Lingkaran Pasifik akan bermula esok dengan mesyuarat para Pegawai Kanan (SOM) disusuli oleh mesyuarat Menteri-menteri pada 17 dan 18 Okt sebelum pertemuan Ketua-ketua Ekonomi Apec pada 20 dan 21 Okt.

Turut diadakan semasa Apec ialah mesyuarat Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac) dan Sidang Kemuncak CEO Apec.

Thaksin berkata dalam menjamin peranan utama Apec dalam menangani cabaran-cabaran ini, Thailand telah mencadangkan "Dunia Dengan Perbezaan: Perkongsian Bagi Masa Depan" sebagai tema sidang kemuncak.

"Ia menunjukkan perlunya bagi anggota-anggota Apec bersatu mewujudkan perkongsian sinergi demi kemajuan dan kemakmuran seluruh rantau," kata beliau.

Thaksin berkata, tema persahabatan juga dibayangkan oleh logo Apec 2003 yang menampilkan imej Baj Diraja Suphanahongsa yang membayangkan warisan dan budaya kebangsaan Thailand.

Dalam konteks Apec, Baj Diraja itu melambangkan peranan Thailand sebagai tuan rumah dan hasratnya untuk menyediakan perantara yang menghubungkan kedua-dua belah wilayah Pasifik melalui hubungan sejarah, ekonomi, sosial dan budaya.

Dibentuk pada 1989 sebagai sebuah pertubuhan perdagangan bagi negara-negara Asia dan benua Amerika, Apec mempunyai sebuah jawatankuasa penyelaras untuk menangani ancaman pengganas.

Tugas mempengerusikan Apec digilirkan setiap tahun di kalangan anggotanya, dan setiap pengerusi bertanggungjawab bagi mesyuarat tahunan Menteri-menteri Luar dan Menteri Perdagangan.

Mexico menjadi tuan rumah sidang kemuncak itu pada tahun lepas sementara edisi 2004 akan diadakan di Chile, diikuti oleh Korea Selatan pada 2005.

Negara-negara anggota Apec ialah Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Peru, Filipina, Rusia, Singapura, Korea Selatan, Taiwan, Thailand, Amerika Syarikat dan Vietnam.

-- BERNAMA

AR KTC PR